

Kawasan tadahan air patut diwartakan segera



**Minda
Lestari**

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my

AMARAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, supaya kerajaan negeri mewartakan semua hutan simpan kekal yang dijadikan kawasan tadahan air di seluruh negara mengikut ketetapan Majlis Tanah Negara, perlu dilihat dalam konteks lebih menyeluruh dan bukan hanya ditanggapi sebagai ucapan berunsur politik dengan tumpuan kepada isu pembalakan di Lojing, Kelantan saja.

Amaran itu bertujuan bagi mengelak berleluasa kegiatan pembukaan hutan di hulu sungai, khususnya penebangan balak secara rakus untuk keuntungan peribadi sehingga menjejaskan kawasan hutan simpan.

Menurut Najib lagi, Majlis Tanah Negara sudah menetapkan satu dasar supaya semua kawasan hutan simpan kekal yang menjadi tadahan air tidak sewajarnya diusahakan menerusi kegiatan yang boleh merosakkan ekosistem hutan yang menjadi punca utama sumber air negara. Perlu dijelaskan bahawa amaran Najib itu bukan kali pertama, selaku pengerusi majlis itu.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, perhutanan adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan. Kerajaan Persekutuan pula memberikan nasihat teknikal berhubung pengurusan dan pembangunan hutan, menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan serta menggalakkan

industri berasaskan kayu dan perdagangan.

Dalam hal ini kerjasama rapat perlu diterjemahkan dalam bentuk penggubalan dasar dan pelaksanaan antara kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan mengenai hal perhutanan. Itulah rasional penubuhan Majlis Perhutanan Negara (MPN) yang berfungsi memudahkan penerimapaakai, mengkoordinasi amalan pengurusan dan penggunaan hutan secara terancang, rasional dan efektif, selaras keperluan mengekalkan hutan sebagai sumber asli lestari dalam jangka masa panjang.

Enakmen dan Kaedah-Kaedah Hutan untuk pentadbiran hutan diterimapaakai Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada awal 1930-an seterusnya diganti dengan Akta Perhutanan Negara pada 1984. Dasar Perhutanan Sementara yang pertama digubal pada tahun 1952 telah diterimapaakai secara rasmi sebagai Dasar Perhutanan Negara pada 1978 dengan pindaan pada 1992.

Namun sudah sampai masanya dasar ini dikemas kini bagi menghadapi isu semasa dan pembangunan dalam konteks aspirasi negara. Pada 8 Februari 2006, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Isahak Yoep menyebut pada majlis sempena meraikan persaraannya bahawa hanya kerajaan Negeri Sembilan yang mewartakan semua hutan simpan kekal, selari arahan Timbalan Perdana Menteri ketika mpengeurusikan mesyuarat tahunan Majlis Perhutanan Negara pada pertengahan 2005.

Amaran Najib dan kenyataan Dr Isahak itu membayangkan betapa masalah pengurusan hutan secara lestari di negara ini masih banyak rintangan dan masalahnya. Masalah utama ialah dari segi perundangan: hutan yang diklasifikasikan sebagai

hutan simpan kekal, khususnya untuk kawasan tadahan hujan, tidak diwartakan. Masalah ini semakin serius bagi hutan yang tidak diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

Dari segi statistik, jumlah keluasan liputan hutan di Malaysia masih banyak iaitu hampir 60 peratus daripada keluasan tanah atau 19.52 juta hektar. Dari jumlah itu, 14.39 juta diwartakan sebagai rizab hutan simpan kekal di mana 3.21 juta hektar dilindungi sepenuhnya. Ketika ini, sektor perhutanan memberi sumbangan dari segi penghasilan kayu-kayan, barangan berasaskan kayu dan hasil biodiversiti lain seperti herba dan ubat-ubatan.

Dari satu segi, statistik itu menunjukkan bahawa kerajaan proaktif terhadap inisiatif melestarikan sumber hutan supaya terus berperanan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat dan pelestarian alam sekitar alam sekitar.

Hutan tropika Malaysia juga menjadi menjadi sumber air, sumber kepelbagaian biologi dan pengimbang suhu daratan. Sejak kebelakangan ini, sumber air semakin berkurangan di beberapa negeri, khususnya pada musim kemarau. Dalam hal ini, projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor yang dirancang untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah inisiatif yang menunjukkan betapa kawasan liputan hutan di Pahang begitu kritikal bukan sahaja untuk negeri berkenaan, bahkan kepada pembangunan negeri sekitarnya, biarpun jaraknya jauh.

Pada RMK-9, teras pembangunan hutan ialah pemuliharaan dan penggunaan secara lestari produk hutan dan kawasan tadahan yang diuruskan secara lestari. Ia termasuk membangunkan sumber kekayaan yang les-

tari dari produk hutan seperti produk herba dan ubat-ubatan, kegiatan ekopelancongan dan biopenerokaan. Pusat Produk Hutan dan Bukan Hutan juga dirancang untuk ditubuhkan bagi meningkatkan keupayaan pengurusan alam sekitar dan sumber asli. Sehubungan itu, Sistem Persijilan Pengurusan Perhutanan Malaysia (MC&I) akan diperkukuh untuk memantapkan pengurusan hutan secara lestari.

Selain itu, saya mencadangkan kerajaan menyediakan garis panduan khas untuk mengurus kawasan tadahan air secara lebih berkesan dan efisien, khususnya hutan simpan kekal. Ketika ini tindakan kita lebih bersifat reaktif dengan menangani gejala masalah. Lebih banyak dasar dan pelaksanaan perlu diperkenalkan dalam bentuk proaktif dan pencegahan.

Antara langkah pencegahan yang sesuai ialah melaksanakan amalan pengurusan terbaik untuk mengurangkan risiko dan meningkatkan keupayaan sesebuah kawasan tadahan dari segi kuantiti dan kualiti. Ini membabitkan perancangan guna tanah (termasuk penggunaan pestisid dan nutrien dalam sektor pertanian), kaedah pengurangan sedimen dan bahan cemar ke sungai, pekekalan kepelbagaian dan keseimbangan ekosistem.

Barangkali sudah sampai masanya peruntukan perundangan juga dikaji semula supaya penceroboh, pencuri balak dan pemusnah ekosistem hutan dikenakan tindakan mandatori lebih berat. Kesalahan itu juga perlu diklasifikasikan sebagai jenayah berat. Selain itu, kerajaan negeri juga perlu dipersoalkan berhubung kawasan hutan simpan yang belum diwartakan.

Penulis ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)